

INOVASI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

sharifahns@unisza.edu.my


ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN

Terdapat empat(4) siri inovasi berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis, iaitu :

1. Laman Blog : [FAHAM FIQH AL-AQSA](#)
2. Aplikasi Telefon Pintar Mudah Alih Faham Fiqh al-Aqsa
3. Animasi Bersiri Faham Fiqh al-Aqsa
4. Aplikasi Permainan Animasi Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa(ASMA)

- Inovasi yang dibangunkan ini adalah untuk kegunaan masyarakat awam. Ia berkaitan dengan cara pelaksanaan ke-3 dalam Falsafah Pengajaran, iaitu Integrasi Teknologi.
- Inovasi pembelajaran berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis ini, berkonsepkan medium interaktif, yang sesuai untuk semua peringkat usia.
- Sebagai contoh, meskipun isu Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis adalah isu yang agak berat untuk kanak-kanak, tetapi kaedah penyampaiannya telah dimudahkan melalui Aplikasi Permainan Animasi Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa(ASMA). Aplikasi permainan animasi ASMA ini adalah yang perintis dalam permainan animasi yang bercirikan ilmiah, dan dimasukkan juga elemen didik hibur.

Langkah Pelaksanaan 3



sharifahus@unizsa.edu.my

1. Laman Blog : [FAHAM FIQH AL-AQSA](#) : Ketua Penyelidik

- Faham Fiqh al-Aqsa adalah blog yang dibuka akses kepada masyarakat secara percuma. Pembinaannya dibiayai oleh Geran Scholarship of Teaching & Learning (SoTL), tahun 2017-2018.
- Telah memenangi anugerah dalam pertandingan inovasi pengajaran pada tahun 2017.
- Laman blog ini menyediakan pelbagai kaedah e-pembelajaran seperti segmen audio-video diskusi pakar, games, chattbox, flashbook dan kuiz.
- Pengguna boleh membuat pembelajaran kendiri tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis di mana sahaja, bila-bila masa.
- Laman blog Faham Fiqh al-Aqsa melatih pengguna supaya merujuk dan menerima maklumat tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis dari sumber yang berautoriti sahaja.
- Laman blog ini juga dapat menyuburkan semangat ukhuwwah Islamiah sesama muslim dan kecintaan kepada Kiblat pertama umat Islam ini walaupun mereka tinggal jauh beribu batu dari Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis

ARTIKEL PROSIDING SEMINAR SERANTAU 2017

Sila klik LINK di bawah :

[PROSIDING LAMAN FAQ](#)

Faham Fiqh Al-Aqsa : Medium Alternatif E-Pembelajaran Bercirikan Utilitarian Berkaitan
Masjid Al-Aqsa Dan Baitul Maqdis 288

Ahmed S.A.Alqodsi & Sharifah Norshah Bani Syed Bidin

SIJIL PERTANDINGAN INOVASI PENGAJARAN (IUCEL 2017)



SIJIL PERTANDINGAN INOVASI PENGAJARAN (eLC 2017)



2. Aplikasi Telefon Pintar Mudah Alih Faham Fiqh al-Aqsa : Ahli Penyelidik

APLIKASI TELEFON PINTAR MUDAH ALIH FAHAM FIQH AL-AQSA (AFAQ)

AHMED S.A. ALQODSI | SHARIFAH NORSHAH BANI SYED BIDIN |
MOHAMMED MUNEER'DEEN OLODO AL-SHAFITI | KAMARUL SHUKRI MAT TEH

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
ahmedalqodsi@unisza.edu.my

LATAR BELAKANG

AFAQ adalah sebuah aplikasi yang direka untuk berfungsi sebagai rujukan masyarakat secara mendalam mengenai pembelajaran, berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis. Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis dipilih sebagai subjek kajian kerana bilangan aplikasi telefon mudah alih yang sedia ada adalah sangat terhad, dan hal ini membataskan maklumat masyarakat terhadap salah satu tempat suci umat Islam di dunia ini. Sehingga kini, terdapat hanya enam(6) literatur aplikasi berkaitan Masjid al-Aqsa, Baitul Maqdis dan Palestin yang dimuat naik di Google Play Stat. Kesemua aplikasi yang sedia ada ini menggunakan bahasa pengantar sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Arab. Justeru, AFAQ berpotensi untuk menjadi rujukan mudah dan pantas, tepat dan terkini kepada pengguna yang memahami bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

OBJEKTIF

- ✓ Menyediakan rujukan mudah, pantas, tepat dan terkini mengenai Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis dalam 3 bahasa : Melayu, Arab, Inggeris

NOVELTI & REKACIPTA

- ✓ Aplikasi telefon pintar mudah alih pertama berkaitan Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis dalam 3 bahasa
 - ✓ Mesej Pengguna : Paparan antara muka yang ringkas dengan warna yang sesuai
 - ✓ Keistimewaan :
 - † Pengguna tidak perlu muat turun video dan permainan kerana dihubungkan terus ke pautan berkenaan
 - † Butang segmen video pilihan yang berasingan
 - † Interaktif : Butang 'sembang/chat' untuk pertukaran mesej antara pengguna & inovator

KEGUNAAN


- ✓ Rujukan mudah, pantas, tepat dan terkinin berkaitan masjid al Aqsa dan Baitul Maqdis secara m-pembelajaran (akses kendiri) melalui video dan bahan bacaan
 - ✓ Sesuai untuk semua golongan termasuk UKU Pendengaran
 - ✓ Butang "Permainan" untuk kanak-kanak

POTENSI PENGKOMERSILAN

BENGHARGAAN

- ✓ RMIC : Pembaianan Dana Penyelidikan Universiti untuk projek ini (UNISZA/2017/DPB/27)





Prof Dr. Isarji Hj. Sarudin
Chairman,
IUCEL 2018

ARTIKEL INDEXED ERA : APLIKASI TELEFON PINTAR FAHAM FIQH AL-AQSA

FAQ MOBILE PHONE APPLICATION

PROSIDING INDEXED SCOPUS - CONFERENCE IACE 2019- UUM

Sila klik LINK di bawah :

[FAQ MOBILE APPLICATION 21ST CENTURY](#)

AKUAN HAK CIPTA APLIKASI FAHAM FIQH AL-AQSA



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Intellectual Property Corporation of Malaysia

Payment Slip

Application Number:	LY2018001102
Application For	CR-1: NOTIFICATION OF WORKS
Title of Work	FAHAM FIQH AL-AQSA
Type of Work	LITERARY
Filing Date:	16/03/2018
Applicant Name:	RESEARCH MANAGEMENT INNOVATION & COMMERCIALIZATION CENTER
Work Deposit Type:	Document
No of Pages	6
Copyright Work Fee (RM):	10
CR-1 Fee (RM):	15
Total (RM):	25



3. Animasi Bersiri Faham Fiqh al-Aqsa: Ketua Penyelidik

- Animasi bersiri Faham Fiqh al-Aqsa adalah merupakan audio-video filem pendek berdurasi 15 minit, yang dibangunkan bertujuan menyampaikan maklumat yang tepat mengenai Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis secara lebih santai.
- Filem animasi pendek ini memaparkan sketsa antara guru dan murid yang berbincang dan bersoal jawab mengenai Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis di taman di sebuah sekolah menengah.
- Di dalam filem pendek ini diselitkan juga dalam jalan ceritanya cara mencari maklumat yang tepat mengenai Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis melalui aplikasi google, maktabah shamilah dan aplikasi al-Quran.
- Soal selidik telah diedarkan kepada responden selepas mereka menonton filem pendek ini untuk mengenalpasti kebolehgunaan animasi untuk menjadi medium pembelajaran berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis.

sharifahns@unisza.edu.my


FAHAM FIQH AL-AQSA SIRI 1





Seek

TAHAMMUTHA

SERI
KUA
21300 KUA
TERENGGANU, DA







MAKLUMBALAS SOAL SELIDIK FILEM PENDEK ANIMASI AL-AQSA

Pada pandangan anda adakah penting maklumat tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis disampaikan kepada generasi muda? Mengapa?

32 responses

Sangat penting. Kerana ia berkait rapat dengan agama Islam dan merupakan antara tempat para nabi dahulu. Selain itu, generasi muda perlu mengambil berat tentang maklumat tersebut kerana disana terdapat ramai umat Islam yang mewakili kita di sini mempertahankan tanah mulia daripada kaum Bani Israel.

AMATLAH PENTING, kerana kalau kita lihat pada zaman kini Zionis Israel telah menguasai Palestin dan masjid Al-Aqsa ia telah membuat perkara yang zalim di situ, jadi sebagai seorang Muslim sejati kita harus mempertahankan Masjid Al-Aqsa

Penting kerana ia adalah kiblat pertama umat islam.

Pada pandangan saya, maklumat ini sangat penting kerana ianya merupakan kiblat pertama dan tempat para anbiya' diutuskan

Generasi muda lah yang akan mempertahankan warisan agama daripada diambil oleh pihak tidak sepertutnya

pada pandangan saya, maklumat tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis amatlah penting untuk disampaikan kepada generasi muda kerana ia merupakan tempat kiblat yang pertama sebelum ditukar kepada arah Masjidil Haram serta ia juga merupakan tempat para anbiya' diutuskan.

pada pandangan saya ianya penting kerana generasi muda perlu menggunakan kuasa dan tenaga yang ada untuk membebaskan baitul maqdis daripada kuasa jajahan zionis.

pada pandangan saya, maklumat tentang masjid al aqsa dan baitul maqdis penting untuk disampaikan kepada generasi muda supaya generasi muda celik tentang info2 berkaitan masjid al aqsa dan baitul maqdis

sangat penting . kerana dapat menambahkan pengetahuan tentang masjid tersebut

ya. supaya generasi muda mengambil tahu tentang sejarah di masjid al-aqsa yang telah menjadi kiblat pertama umat islam.

Sangat penting untuk pengetahuan sejarah islam

Penting supaya dapat membentuk kesedaran generasi muda untuk terus mempertahankan masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis

ya supaya generasi muda cakna dan peka berkenaan sejarah yang teragung ini dalam agama islam.

Sangat penting untuk pengetahuan sejarah islam

Penting supaya dapat membentuk kesedaran generasi muda untuk terus mempertahankan masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis

ya supaya generasi muda cakna dan peka berkenaan sejarah yang teragung ini dalam agama islam.

Pada pendapat saya , maklumat tentang masjid al aqsa dan Baitup maqdis penting , kerana generasi muda pada masa kini perlu mengetahui maklumat berkenaan sejarah tempat tersebut . Pada masa kini juga , generasi muda perlu mengambil cakna apa yang terjadi di tempat tersebut dan mempunyai pengetahuan tentang tempat tersebut

Sangat prting, kerana seperti isu kini iaitu penindasan Palestine, amat penting untuk generasi muda utk tahu akan lokasi tersebut kerana rasa simpati tidak akan timbul melainkan kita tahu akan sesuatu perkara

Sangat penting supaya sejarah Islam tidak hilang ditelan zaman

Penting kerana generasi muda zaman sekarang kurang mengambil cakna akan kepentingan Masjid Al-Aqsa untuk umat Islam. Mereka lebih gemar untuk mengetahui tentang perkara yang menghiburkan berbanding sejarah Islam seperti Baitul Maqdis.

Ya, kerana ia merupakan qiblat yang pertama dan ramai para nabi dan rasul menetap/ diutuskan

Pada pandangan saya, amat penting untuk generasi muda tahu tentang Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis. Hal ini kerana Masjidil Aqsa menjadi tempat para anbiya diutuskan dan banyak kelebihan yang ada pada Masjidil Aqsa antaranya ialah menjadi kiblat pertama buat umat Islam

Semestinya, kerana tempat tersebut merupakan salah satu tempat yang dimuliakan oleh Allah dan seharusnya kita menjaganya.

Penting sebab dapat tahu kiblat pertama dan latar belakang yang penting tentang Islam dan dapat tahu di mana terjadinya isu sekarang ini seperti genocide di palestine.

Pada pendapat saya sangat penting kerana ianya menjadi sejarah dan identiti agama Islam.Selain itu ianya memberikan kesedaran kepada umat Islam tentang isu yang berkaitan dengan Masjid al-Aqsa

Pada pandangan saya, penting untuk didedahkan maklumat tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis disampaikan kerana generasi muda kini kurang didedahkan berkaitan sejarah tentang Masjid al-Aqsa dan sekaligus mengakibatkan mereka tidak terkesan dengan apa yang berlaku di Palestin sekarang. Lebih menyedihkan ada sesetengah pihak di media sosial lebih suka peperangan di bumi Palestin itu tidak habis kerana alasan mereka takut dan sebagainya. Perlu ada usaha untuk menimbulkan kesedaran kepada anak muda.

Sangat penting supaya perjuangan umat islam dalam mempertahankan Masjid al-Aqsa dapat diteruskan oleh generasi muda dan generasi yang akan datang.

Ya.Kerana masjid ini merupakan kiblat pertama bagi umat Islam dan merupakan salah satu tempat para nabi.Masjid ini juga banyak menyimpan sejarah dan khazanah serta salah satu tempat yang diberkati oleh Allah S.W.T.Masjid ini juga amat penting kepada semua umat Islam.Sebagai generasi muda,kita seharusnya cakna dan pertahankan masjid ini daripada kemusnahan dan rampasan daripada zionis.

Pada pandangan saya, maklumat tentang masjid al-Aqsa dan baitul Maqdis sangat penting untuk di sampaikan kepada generasi muda kerana masih ramai lagi yang tidak tahu betapa pentingnya ia dalam perspektif Islam. Apabila mereka tahu mengenainya , mereka akan lebih cakna tentang isu yang berlaku di Palestin dan mengukuhkan semangat dalam memperjuangkan kebebasan tanah yang mulia ini.

Ya , kerana masjid ini menjadi arah kiblat yang pertama umat islam .

Ya, sangat penting untuk menyampaikan maklumat tentang Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis kepada generasi muda kerana dapat membantu generasi muda mengetahui sejarah Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis.

Pada pandangan saya, penting untuk generasi muda mengetahui tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis. Hal ini kerana Masjid al-Aqsa merupakan kiblat pertama umat Islam dan Baitul Maqdis adalah tempat dakwah Islam.

Sangat penting. Kerana itu adalah salah satu bukti bahawa kita benar-benar mengambil tahu tentang Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis ini.

Ya, sangat penting untuk menyampaikan maklumat tentang Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis kepada generasi muda kerana dapat membantu generasi muda mengetahui sejarah Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis.

Pada pandangan saya, penting untuk generasi muda mengetahui tentang Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis. Hal ini kerana Masjid al-Aqsa merupakan kiblat pertama umat Islam dan Baitul Maqdis adalah tempat dakwah Islam.

Sangat penting. Kerana itu adalah salah satu bukti bahawa kita benar-benar mengambil tahu tentang Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis ini.

pada pandangan saya,maklumat tentang masjid al-aqsa dan baitul maqdis ini penting kepada generasi muda kerana ia dapat memberi pendedahan kepada mereka mengenai masjid berkenaan dengan lebih mendalam

Penting, kerana ianya merupakan dari sejarah Nabawiyah yang membawa banyak kepentingan Islam dan merupakan tempat ibadah yang dijaga serta digunakan hingga kini menjadi bukti agama Islam adalah agama yang kuat justeru membawa kesejahteraan kepada ummah.

Pada pandangan anda, adakah isu-isu berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis sesuai disampaikan kepada generasi muda melalui animasi? Mengapa?

32 responses

Sangat sesuai kerana ia sesuai dengan semua peringkat umur dapat ditonton dan difahami dengan jelas.

Sampai kerana terdapat banyak maklumat berkaitan Masjid Al-Aqsa yang diberikan termasuklah dengan penceritaan dan membuat pendengar memahami animasi tersebut

Sesuai kerana generasi muda zaman sekarang gemar kepada animasi dan penyampaian menggunakan video animasi lebih mudah difahami oleh semua peringkat umur

Pada pandangan saya, cara penyampaian dalam bentuk animasi sangat sesuai kerana dapat menarik perhatian mereka lebih lagi mereka yang usia 2 tahun keatas

hal ini kerana animasi lebih menarik perhatian generasi muda sekarang

pada pandangan saya, ia amatlah sesuai kerana generasi muda zaman kini lebih meminati penyampaian ilmu dalam bentuk video/animasi kerana ia dapat memudahkan para penonton untuk memahami dengan lebih lanjut.

Pada pandangan saya ianya sesuai kerana generasi muda masa kini masanya lebih digunakan untuk melihat gajet

pada pandangan saya, amat sesuai isu2 berkaitan masjid al aqsa dan baitul maqdis disampaikan kepada generasi muda melalui animasi, kerana ianya dapat menarik minat generasi muda untuk mendengar info2 yang disampaikan

Sesuai . kerana mereka tidak akan merasa bosan dan dapat menghayati setiap situasi yang disampaikan

ya.kerana jika disampaikan dalam bentuk animasi ramai lagi orang tertarik untuk melihat dan mendengarnya berbanding kita menyampaikan dengan kaedah seperti memberi ceramah.

Sesuai kerana ia boleh menarik minat generasi muda untuk menonton kerana generasi muda kebanyakannya minat akan animasi.

Sesuai kerana dapat memberi gambaran yang mudah untuk generasi muda untuk memahami dan menganalisis maklumat yang ingin disampaikan.

Sesuai kerana dapat memberi gambaran yang mudah untuk generasi muda untuk memahami dan menganalisis maklumat yang ingin disampaikan.

pada pandangan saya, ianya sesuai untuk disampaikan dalam bentuk animasi sebegini kerana menarik perhatian dan gaya penyampaiannya lebih santai.

Ya , kerana melalui animasi , generasi muda lebih tertarik dan mudah untuk difahami

Sesuai, kerana jika tidak generasi muda tahu akan perkara ini, siapa lagi yang akan mengambil berat akan pengorbanan saudara kita di sana dalam mempertahankan qiblat pertama

Sesuai kerana generasi muda lebih cenderung dengan teknologi, jadi melalui animasi akan lebih menarik minat mereka dan lebih mudah faham mengenai topik tersebut

Pada pandangan saya, isu seperti ini sesuai disampaikan dalam bentuk animasi kepada generasi muda kerana mereka sekarang kurang membaca berita terkini di Malaysia apatah lagi berita luar negara. Dengan menggunakan animasi dan medium video, generasi muda akan lebih mudah faham akan perkara yang terjadi di Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis seterusnya akan menjadi lebih cakna akan perkara yang berlaku di dunia

Ya sesuai, kerana generasi muda zaman sekarang lebih gemar dengan ilustrasi yang menarik dan penyampaian yg mudah difahami

Sangat sesuai untuk disampaikan melalui animasi kepada generasi muda. Hal ini kerana kebanyakkan generasi muda mudah berasa bosan apabila membaca fakta tentang sesuatu perkara. Melalui animasi, generasi muda dapat memahami dengan lebih mudah dan dapat menarik minat mereka untuk mengetahui tentang sesuatu ilmu.

Amat sesuai kerana dengan ini lebih banyak gambaran yang boleh diberikan kepada anak muda yang kurang pengetahuan mengenainya.

isu kenapa berlakunya perubahan kiblat boleh berlaku supaya lebih senang faham.

Saya berpendapat bahawa isu ini sangat sesuai untuk menarik minat anak muda untuk menjadikan satu topik perbincangan dalam pembelajaran.

Ya, kerana generasi muda kurang minat dalam membaca dan lebih tertarik dengan video yang didalamnya ada input yang nak disampaikan.

Ya, kerana ia mampu menarik minat generasi muda untuk mengambil cakna tentang isu-isu yang berlaku kepada Masjid al-Aqsa sekarang .

Ya.Kerana penyampaian yang ringkas dan difahami serta ditonton oleh segenap lapisan umur.

Isu berkaitan masjid al-Aqsa dan baitul Maqdis ini sangat sesuai untuk disampaikan melalui kaedah ini kerana penyampaian ini lebih menarik minat dan fokus generasi muda untuk mengetahui sesuatu maklumat berbanding perlu membaca artikel atau berita yang amat panjang.

Ya , kerana mudah difahami dan mudah untuk menarik perhatian mereka.

Ya, saya percaya isu-isu yang berkaitan dengan Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis sangat sesuai disampaikan kepada generasi muda melalui animasi kerana dapat menarik perhatian mereka dengan mudah dan cepat.

Ya , kerana mudah difahami dan mudah untuk menarik perhatian mereka.

Ya, saya percaya isu-isu yang berkaitan dengan Masjid Al-Aqsa dan Baitul Maqdis sangat sesuai disampaikan kepada generasi muda melalui animasi kerana dapat menarik perhatian mereka dengan mudah dan cepat.

Bagi saya, Ya isu-isu berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis sesuai disampaikan melalui animasi agar menjadi tarikan kepada generasi muda untuk memahami dan mendalamai isu-isu yang perlu diberikan perhatian.

Sangat sesuai. Hal ini kerana, ia adalah satu cara berkesan bagi generasi muda untuk menerima pengetahuan ini kerana mengikut peredaran zaman kini.

pada pandangan saya,isu berkaitan masjid al-aqsa dan baitul maqdis sesuai disampaikan kepada generasi muda melalui animasi kerana pada zaman ini generasi muda lebih tertarik kepada animasi berbanding dengan medium lain dan juga melalui animasi ia dapat difahami dengan lebih mudah

Pada pendapat saya, sesuai kerana animasi dapat menyampaikan maklumat tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan oleh pereka

AKUAN HAK CIPTA ANIMASI BERSIRI



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
Intellectual Property Corporation of Malaysia

Payment Slip

Application Number: FM2018002731
Application For: CR-1: NOTIFICATION OF WORKS
Title of Work: FAHAM FIQH AL-AQSA (ANIMASI BERSIRI)
Type of Work: FILM
Filing Date: 11/07/2018
Applicant Name: RESEARCH MANAGEMENT INNOVATION & COMMERCIALIZATION CENTER (RMIC)
Work Deposit Type: DVD
Quantity: 1
Copyright Work Fee (RM): 50
CR-1 Fee (RM): 15
Total (RM): 65



4. Aplikasi Permainan Animasi Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa(ASMA):

Ketua Penyelidik


Abstrak

Kaedah pendidikan menggunakan animasi wajar diketengahkan untuk mendidik kanak-kanak kerana mereka lebih mudah menerima mesej melalui kaedah tersebut. Isu Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis yang telah bermula sejak lebih 100 tahun lalu sangat masyhur dalam kalangan orang dewasa. Bagaimanapun, keutamaan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis dalam sejarah Islam tidak diberi pendedahan kepada kanak-kanak. Justeru, satu aplikasi permainan animasi yang dinamakan ‘Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa (ASMA)’ dibangunkan bertujuan memberi maklumat utama dan tepat berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis kepada golongan kanak-kanak, di samping memupuk rasa cinta kepada masjid ke 3 umat Islam ini. ASMA adalah aplikasi pertama dibangunkan menggunakan tiga bahasa; Melayu, Arab dan Inggeris, berkonsepkan didik hibur. Pengujian kebolehgunaan ASMA menunjukkan majoriti responden boleh memahami kandungan aplikasi ASMA. Rekabentuknya juga menarik dan sesuai digunakan sebagai medium pembelajaran untuk kanak-kanak. Kewujudan ASMA menyumbang medium Islamik terkini dalam pembelajaran berkaitan Masjid al-Aqsa dan Baitul Maqdis, untuk kanak-kanak.

AYUH SOLAT DI MASJID AL AQSA (ASMA)



ANUGERAH



4. Aplikasi Permainan Animasi Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa(ASMA): Ketua Penyelidik

AYUH SOLAT DI MASJID AL AQSA (ASMA)

REVIEWS

4.7

★★★★★
13 total

Saifuddin Iran
★★★★★ March 1, 2021

I appreciate your gaming system where it shows how the people of Palestine say their prayer as Israel makes obstacle , We the Bangladeshi always support Palestine

Review policy and info

7

Md sanjit Khan
★★★★★ March 1, 2021

Hey MASHALLAH

1

Tri Stellar Imps
★★★★★ January 26, 2020

Alhamdullah

5

Mustafizur Rahman
★★★★★ March 1, 2021

good

3

Ayuh Solat Di Masjid Al-Aqsa Mobile Game

Sharifah Norshah Bani Syed Bidin - Action

Everyone

You don't have any devices

Add to Wishlist

★★★★★ 13

...

Install

Play the role as Ubaidah or Ummamah as they want to go pray at Al-Aqsa Mosque. However the journey was not easy, they need to overcome obstacles to make the way to Al-Aqsa.

Encounter various enemies such as Tank, Zionis, Cactus and lot more.

WHAT'S NEW

First Release of the Game

ADDITIONAL INFORMATION

Updated September 16, 2019 Size 23M Installs 500+

Current Version 0.1 Requires Android 5.0 and up Content Rating Everyone Learn more

Permissions View details Report Flag as inappropriate Offered By Sharifah Norshah Bani Syed Bidin

Developer mohdnesrulradhi@gmail.com

ARTIKEL INDEXED ERA(2022) - APLIKASI ASMA

Sila klik LINK di bawah:

[ARTIKEL ASMA ANIMATED GAME](#)

AKUAN HAK CIPTA

COPYRIGHT ACT 1987

IN THE MATTER OF Paragraph 26A (3) (b),
Of the Copyright Act 1987 (Act 332)

and

IN THE MATTER of the Copyright
(Voluntary Notification) Regulations 2012
(P.U.(A) 160)

STATUTORY DECLARATION



I, Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin, (NRIC No.: 721205-11-5056), Associate Professor of Fakulti Pengajian Kontemporari Islam of full age and a Malaysia citizen with an address at Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu do hereby solemnly and sincerely declare as follows:

- i) Title of literary work: Ayuh Solat di Masjid al-Aqsa (ASMA)
- ii) The Owner of the copyright in the works: Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
- iii) The authors of the works are:
 - a) Prof.Madya Dr.Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin (NRIC No. : 721205-11-5056)
 - b) Dr. Ahmed S.A. Alqodsi (NRIC No. : 4545712)
 - c) Dr. Siti Hajar Mohd Yusoff(NRIC No. :890302015644)
 - d) Dr. Mohammed Muneer Deen Olodo al-Shaf'i (NRIC No. :A00907066)
 - e) Prof.Dr. Kamarul Shukri Mat Teh (NRIC No. : 640811115019)
- iv) The exhibits marked as Exhibit "A" annexed here to for the purpose of notification of copyright in Form CR-1 is the copy of the work;

2. The work was written down and reduced to material form on 01/09/2019;

and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of Section 26A(3)(b) of the Copyright Act 1987 and the Statutory Declaration Act 1960.

Subscribed and solemnly declared

by : Sharifah Norshah Bani binti Syed Bidin
NRIC No. : 721205-11-5056
at : Kuala Terengganu
on this day of : 07 OCT 2019

KUALA BERANG

LOT 15 TINGKAT ATAS
BANGUNAN ARKED MARA
KUALA BERANG
21700 KUALA BERANG
TERENGGANU

Before me,

TENGAH T. 053
Commissioner for Oaths

01.01.2019-31.12.2021

MALAYSIA

5.PEMBINAAN PROFIL RAKAMAN QIRAAAT 10 UNTUK PELAJAR QIRAAAT DI MALAYSIA (JUZUK 1-10) - AHLI PENYELIDIK

ABSTRAK

Selaras dengan perkembangan penggunaan teknologi dalam pendidikan, adalah menjadi keperluan untuk membangunkan bahan pengajaran terkini bagi kursus Qiraat Tatbiqiyah(Aplikasi Qiraat). Permasalahan utama dalam mata pelajaran Qiraat Tatbiqiyah adalah kekurangan rujukan audio dan video untuk membantu pelajar semasa mengulangkaji, mengumpul maklumat, dan menyusun bahan pembelajaran. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan kaedah pembelajaran yang efektif bagi Qiraat sepuluh menggunakan audio video. Kajian ini mengenal pasti indikator yang sesuai untuk pelajar merekod bacaan secara audio dan visual serta menyediakan akses kepada rakaman-rakaman tersebut bagi pelajar-pelajar Qiraat di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan untuk menganalisis kitab-kitab Qiraat sepuluh dan seterusnya menyusun mengikut manhaj Imam Ibn al-Jazari. Seterusnya, rakaman audio video dibuat dengan mengikut susunan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan Qiraat sepuluh dalam juzuk 1 hingga 10 al-Quran. Setiap potongan ayat mewakili satu rakaman video agar memudahkan pengguna membuat ulangkaji pada ayat-ayat yang diperlukan. Kajian ini memberikan sumbangan besar kepada pelajar Qiraat di Malaysia untuk menggarap kemahiran membaca ayat-ayat al-Quran mengikut Qiraat 10. Kajian ini merupakan perintis kepada usaha menghasilkan bahan bantu mengajar kepada pengajar Qiraat dan rujukan kendiri kepada pelajar Qiraat. Usaha ini akan diteruskan dengan projek penyelidikan untuk rakaman juzuk-juzuk yang berbaki pada masa akan datang.

Contoh Video Bacaan Qiraat 10 oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah (Qiraat) Dengan Kepujian, FKI, UniSZA

Sila klik link di bawah :

[BACAAN QIRAAT 10](#)





ARTIKEL INDEXED ESCI(2023)

Sila klik LINK di bawah :

[ARTIKEL DARI PENYELIDIKAN PROFIL QIRAAAT](#)

Geran FRGS 2023-1 akan menghasilkan aplikasi telefon pintar yang mengandungi modul pembelajaran al-Quran (Tilawah, Tajwid, Tahfiz, Tadabbur) berasaskan gaya pembelajaran VARK yang akan menjadi bahan bantu mengajar kepada pensyarah dan medium rujukan kendiri kepada pelajar IPT

Prof. Madya Dr. Sharifah Norshah Bani bt Syed Bidin
Pensyarah
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
UniSZA Kampus Gong Badak

YBrs. Dr.,

**KELULUSAN PROJEK SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS)
TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan permohonan projek penyelidikan FRGS Tahun 2023 YBrs. Dr. seperti mana butiran berikut:-

Kod Rujukan Projek	FRGS/1/2023/SSI13/UNISZA/02/1
Kod Projek	RF021
Tajuk Projek	Model Baharu Pembelajaran al-Quran Melalui Aplikasi Digital Interaktif Berasaskan Gaya Pembelajaran Visual, Aural, Read/Write & Kinestetik(VARK) Untuk Pelajar Pengajian Tinggi
Domain	<i>Arts and Applied Arts</i>
Jumlah Peruntukan	RM120,000.00

Geran antarabangsa bertajuk : Pembinaan Profil Qiraat 10 Surah al-Fatihah dan Yasin Untuk Masyarakat Awam Muslim di Brunei Darussalam

- Penyelidikan ini akan menghasilkan audio video rakaman surah al-Fatihah dan Yasin yang akan dibacakan oleh pelajar terpilih dari program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat, UNISSA dengan bimbingan pensyarah, iaitu Dr.Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil selaku Ketua Penyelidik.